



— ETIKA — BERPAKAIAN PELAJAR

SESI PENGAJARAN/ PEMBELAJARAN DAN MAJLIS RASMI

LELAKI

- Pelajar hendaklah berpakaian menutup aurat, kemas (tuck-in) iaitu berseluar panjang (slack), berbaju kemeja dengan bertali leher atau berbaju kebangsaan yang lengkap, berkasut kulit berwarna hitam dan berstokin.
- Pemakaian seluar jeans adalah tidak dibenarkan.
- Pelajar hendaklah memakai kasut bertutup, tidak boleh berselipar atau memakai kemeja-T tidak berkollar.
- Pelajar hendaklah berambut pendek, kemas dan tidak mencecah kollar baju.
- Pakaian yang dibenarkan untuk pelajar lelaki sekiranya menutup kepala adalah bersongkok berwarna hitam. Pelajar dilarang memakai sebarang bentuk/jenis topi.



PEREMPUAN

- Pelajar hendaklah berpakaian yang menutup aurat, kemas, sopan dan rapi.
- Pelajar hendaklah memakai pakaian yang tidak ketat (yang boleh memperkenalkan susuk tubuh) dan tidak jarang.
- Pelajar hendaklah memakai kasut yang menutupi jari kaki, lereng kaki dan tumit.
- Pemakaian purdah adalah tidak dibenarkan.
- Pemakaian seluar jeans adalah tidak dibenarkan.
- Pemakaian alat solek, aksesori dan pewangi hendaklah secara sederhana.



BERADA DI KAWASAN KAMPUS

LELAKI

- Pelajar hendaklah berpakaian menutup aurat, kemas (tuck-in) dan berseluar panjang
- Pelajar hendaklah memakai kasut bertutup, tidak boleh berselipar atau memakai kemeja-T tidak berkollar.
- Pelajar hendaklah berambut pendek, kemas dan tidak mencecah kollar baju.
- Pakaian yang dibenarkan untuk pelajar lelaki sekiranya menutup kepala adalah bersongkok berwarna hitam atau apa-apa bentuk/jenis topi yang bersesuaian. Walaubagaimanapun, pemakaian topi tidak dilizinkan di Bangunan Perpustakaan.



PEREMPUAN

- Pelajar hendaklah berpakaian yang menutup aurat, kemas, sopan dan rapi.
- Pelajar hendaklah memakai pakaian yang tidak ketat (yang boleh memperkenalkan susuk tubuh) dan tidak jarang.
- Pemakaian purdah adalah tidak dibenarkan.
- Pemakaian seluar jeans adalah tidak dibenarkan.
- Pemakaian alat solek, aksesori dan pewangi hendaklah secara sederhana.



BERADA DI KAWASAN KOLEJ KEDIAMAN


LELAKI

- Pelajar hendaklah berpakaian menutup aurat, kemas, bersih dan bersopan semasa berada di luar bilik kediaman.
- Pelajar hendaklah berambut pendek, kemas dan tidak mencecah kollar baju
- Pelajar hendaklah mengikuti tatacara berpakaian ketika menghadiri sesi pengajaran/pembelajaran atau ketika berada di kawasan kampus sekiranya menghadiri majlis rasmi yang diadakan di kawasan kolej kediaman.



PEREMPUAN

- Pelajar hendaklah berpakaian menutup aurat, kemas, bersih dan bersopan semasa berada di luar bilik kediaman.
- Pelajar hendaklah mengikuti tatacara berpakaian ketika menghadiri sesi pengajaran/pembelajaran atau ketika berada di kawasan kampus sekiranya menghadiri majlis rasmi yang diadakan di kawasan kolej kediaman.



BERSUKAN DAN BERIADAH

LELAKI

- Pemakaian yang longgar dan bersesuaian dengan aktiviti riadah yang akan dijalankan.
- Pemakaian seluar tight sehingga melepas lutut adalah diwajibkan ketika memakai seluar pendek.
- Pemakaian adalah dengan cara memasukkan baju T-shirt ke dalam seluar track (tuck-in) bagi tujuan kekemasan dan keselesaan semasa bersukan.
- Pemakaian hendaklah kelihatan kemas dengan berambut pendek.
- Pemakaian kasut yang bersesuaian ketika menyertai aktiviti sukan atau rekreasi.
- Seluar track yang dipakai hendaklah kelihatan kemas.
- Seluar track yang dipakai hendaklah dizipkan hingga kepungkujung kaki seluar.



PEREMPUAN

- Pemakaian yang longgar dan bersesuaian dengan aktiviti riadah yang akan dijalankan.
- Pemakaian kain tudung yang tidak terlalu labuh namun masih menutup aurat dan kelihatan kemas supaya selesa ketika bersukan.
- Pemakaian T-shirt yang berlengan pendek hendaklah disertai dengan sarung tangan (dari lengan hingga ke pergelangan tangan).
- Pemakaian kasut yang bersesuaian ketika menyertai aktiviti sukan atau rekreasi.
- Seluar track yang dipakai hendaklah dizipkan hingga ke penghujung kaki seluar sebagai kekemasan berpakaian sukan.
- Seluar track yang dipakai hendaklah longgar, serap peluh dan berwarna gelap.

